

01/05/1997

Sokongan kesatuan bantu kejayaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kerjasama antara kesatuan sekerja dengan sektor swasta dan kerajaan dalam Persyarikatan Malaysia akan mempercepat pembangunan negara dan meningkatkan pendapatan semua pihak.

Sambil menyatakan gembiranya dan menyambut baik kesanggupan kesatuan sekerja untuk bekerjasama dengan swasta dan kerajaan, Perdana Menteri berkata tindakan perusahaan tidak akan mendatangkan sebarang hasil jika masyarakat miskin, negara huru-hara dan pelabur, perniagaan serta perusahaan tidak ada.

"Masa sudah tiada untuk kita mencari cara lebih baik untuk menyelesaikan masalah antara majikan dengan pekerja. Kekayaan mesti diagih secara saksama antara semua pihak - majikan, pekerja, pelabur dan masyarakat," katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja, esok.

Menurut Dr Mahathir, harga barangan dan perkhidmatan keluaran tempatan akan meningkat jika kenaikan upah melebihi produktiviti negara.

Kenaikan harga akan menyebabkan kos sara hidup meningkat dan ini bermakna pendapatan tambahan itu tidak mampu membeli barangan atau perkhidmatan setimpal.

Walaupun kerajaan mahu kehidupan rakyat meningkat sepanjang masa menerusi kenaikan upah, beliau berkata, ia tidak seharusnya menimbulkan masalah dalam tempoh jangka panjang.

"Jika upah melebihi produktivi, harga barangan dan perkhidmatan akan naik dan seterusnya menyebabkan kita tidak dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

"Sehubungan itu, industri negara akan rugi dan akhirnya tidak dapat menampung keperluan peluang pekerjaan, atau dengan perkataan lain ... kita akan menganggur," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah itu berlaku di kalangan negara maju khususnya di Eropah, yang kini mengalami kadar pengangguran antara 10 hingga 20 peratus.

Ramai pekerja di negara berkenaan merana sehingga ada yang terpaksa hidup di bawah jambatan, tidur di atas kerusi panjang, mati pada musim sejuk, gila dan sebagainya.

"Kita tidak akan melihat semua ini di kaca televisyen kerana keburukan di negara mereka, mereka akan sembunyi. Sebaliknya keburukan di negara kita akan didedah habis-habisan," katanya.

Beliau berkata, dalam masyarakat bertamadun, biasanya pertikaian antara dua pihak diselesaikan menerusi pengadilan oleh pihak ketiga yang selalunya tidak terbabit langsung.

Bagaimanapun, katanya, Barat menganggap pertikaian antara pekerja dengan majikan harus diselesaikan menerusi ujian siapa lebih kuat dan dalam proses berkenaan, kedua-duanya `dibelasah dan parah'.

(END)